

Headline **Nasi lauk ikan RM5 di kafe UPM**
Date **16. Jul 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **38**
Section **Nasional** Article Size **103** cm2
Circulation **217920** Frequency **Daily**
Readership **2083000** Color **Full Color**



Nasi lauk ikan RM5 di kafe UPM

SEJAK penstrukturan harga minyak baru ini, pelbagai reaksi ditunjukkan setiap lapisan rakyat.

Pelajar baru mendaftar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA), akhir bulan lalu dan awal bulan ini turut merasai bahangnya berikutan kenaikan yuran pengajian dan harga makanan di kafe kolej kediaman.

Apa yang paling membingangkan saya dan rakan seperjuangan lain sudah berlaku apabila harga makanan di kafe kolej kediaman juga naik.

Hal ini amat terkesan pada saya kerana bagi saya, pelajar tidak harus membayar harga makanan yang mahal.

Saya susah hati dan juga terkilan dengan sikap pengusaha makanan di kafe Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang kerana sewenang-wenangnya meletakkan harga makanan terlalu tinggi untuk makanan seperti nasi campur yang hanya

berlauk ikan berharga sehingga RM5.

Selain itu, yuran kolej kediaman dilaporkan turut meningkat sebanyak RM200.

Harga terlalu tinggi itu menggambarkan penguurusan universiti tidak peduli terhadap kebajikan pelajar yang majoriti menggunakan pinjaman sebagai sumber sara hidup mereka di kampus.

Saya mengutarakan pandangan saya ini kerana saya mendapati universiti lain akan mengambil tindakan terhadap pengusaha premis makanan yang menaikkan harga makanan di dalam kampus.

Saya benar-benar berharap pihak berwajib dapat membuat sebarang tindakan sewajarnya dengan kadar segera supaya pelajar di IPT tidak dibebani kenaikan harga makanan dan yuran pengajian.

BAPA PRIHATIN,
Selangor.